

15 April 2010

## **Clinton kepada Usahawan: Bangunkan Komuniti Anda**

Oleh Andrej Zwanecki

Penulis Staf

Washington - Setiausaha Negara A.S. Hillary Rodham Clinton mahukan para usahawan dari seluruh dunia menjadi agen perubahan di negara mereka.

Bercakap kepada para delegasi di majlis penutup Sidang Kemuncak Presiden mengenai Keusahawanan pada 27 April, Clinton berkata para usahawan tidak hanya memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi dan penjanaan pekerjaan, tetapi juga boleh "menggalakkan kesejahteraan bersama, seruan kepada kerajaan yang terbuka dan bertanggungjawab, [dan] membantu memperluaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan."

"Perkara-perkara ini adalah tonggak kepada masyarakat yang stabil dan berkembang," kata Clinton. "Dan anda semua adalah mereka yang memiliki bakat dan peluang untuk membantu membangunkan masyarakat."

Setiausaha Clinton berkata keusahawanan dapat memberi faedah kepada setiap negara - termasuk Amerika Syarikat - dengan mengukuhkan hubungan lebih erat dalam bidang perdagangan, pendidikan, sains dan teknologi dan meningkatkan kerjasama dalam menghadapi cabaran global seperti kebuluran, kemiskinan atau perubahan iklim.

"Hubungan di antara negara-negara akan berkekalan apabila ia disokong oleh hubungan baik di kalangan masyarakat. Dan kita semua lebih bersemangat dengan kehadiran anda semua di sini," Clinton memberitahu para delegasi, yang telah berbincang dan saling berkenal-kenalan dan belajar di sidang kemuncak dua hari dan 30 acara susulan sidang kemuncak.

Setiausaha Clinton berkata bahawa usahawan boleh berharap kepada Amerika Syarikat untuk menjadi rakan kongsi mereka kerana pentadbiran Obama mengambil pendekatan baru untuk dasar luar negara berdasarkan nilai-nilai bersama, hormat-menghormati dan tanggungjawab bersama.

Clinton berkata arah baru ini tidak dibuat berpandukan bantuan luar tetapi berpandukan pelaburan dan dengan menyokong kepimpinan dan idea tempatan.

"Kami percaya pendekatan ini akan membawa hasil yang berkekalan dari segi keselamatan, maruah, dan kemakmuran yang lebih baik, dan peluang untuk lebih ramai orang di seluruh dunia," kata Clinton.

Beliau menyeru kerajaan-kerajaan lain untuk membantu proses kemajuan ini dengan mencipta persekitaran yang memupuk nilai keusahawanan dan membuat pembaharuan yang diperlukan untuk memanfaatkan tenaga dan kreativiti yang terdapat di dalamnya.

Pentadbiran Obama telah mengumumkan banyak kerjasama antara pihak swasta dan awam yang baru yang direka untuk membantu para usahawan, terutama di negara-negara Islam, untuk mengasah kemahiran mereka dan memperolehi sumber-sumber yang diperlukan. Kerjasama-kerjasama ini termasuk projek mentor inovatif secara online yang direka untuk membantu usahawan di seluruh dunia dilatih oleh pakar-pakar. Sehari selepas sidang kemuncak, semasa pertemuan dengan delegasi wanita, setiausaha Clinton sendiri melancarkan beberapa inisiatif baru yang ditujukan kepada usahawan wanita.

Di sidang kemuncak beberapa pemimpin perniagaan berkata kekurangan budaya keusahawanan dan perasaan takut gagal adalah antara faktor yang membantutkan pembentukan perniagaan dan inisiatif swasta di beberapa negara. Fadi Ghandour, ketua Aramex iaitu syarikat pengangkutan dan perkapalan dan syarikat pertama dari negara Arab yang disenaraikan di bursa saham NASDAQ, berkata satu-satunya cara untuk mengatasi ini adalah dengan mengajar keusahawanan di sekolah-sekolah. Bakat tidak lahir secara semulajadi, kata Ghandour, tetapi ia dipelajari dan boleh diajar.

Ghandour berkata negara-negara yang kaya dengan minyak menghabiskan berjuta-juta dolar untuk menggali kekayaan minyak sekarang perlu melabur secara besar-besaran "untuk mengembangkan fikiran manusia."

"Otak manusia adalah satu-satunya tenaga boleh diperbaharui yang kita miliki," tambahnya.

Ghandour berkata usahawan yang berjaya perlu "membuli kerajaan" untuk menjadikan ia satu realiti.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lihat maklumat mengenai [program pertukaran](#), [E-Mentor Corps](#), [aktiviti-aktiviti susulan persidangan](#), dan [kegiatan rakan kongsi bersempena sidang kemuncak](#).

Koresponden khas Chris Connell menyumbang untuk artikel ini.

*Setiausaha Negara Hillary Clinton berjabat tangan dengan para delegasi, selepas berucap di Sidang Kemuncak Presiden mengenai Keusahawanan.*

Artikel asal di <http://www.america.gov/st/business-english/2010/April/20100429152623saikceinawz0.4154474.html?CP.rss=true>